

Ungkapan Darjah Penghabisan dalam Kalangan Penutur Dialek Kedah berdasarkan Kategori Umur

Yusniza Yaakub
Hishamudin Isam
Faizah Ahmad

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini membandingkan penggunaan ungkapan darjah penghabisan yang digunakan oleh penutur dialek Kedah berdasarkan kategori umur. Ungkapan darjah penghabisan ialah pernyataan perbandingan yang paling tinggi hadirnya selepas kata adjektif. Bertepatan dengan sifat bahasa yang dinamik dan luwes, dialek Kedah juga telah berubah dan berkembang dari segi kosa kata dan istilahnya. Perubahan telah berlaku akibat pengaruh media yang mendominasi kehidupan masyarakat, khususnya golongan remaja. Kajian berbentuk kualitatif ini memberi tumpuan terhadap penggunaan ungkapan darjah penghabisan yang dipadankan dengan kata adjektif oleh Nik Safiah et al. (2018). Responden kajian terdiri daripada 10 orang remaja luar bandar (Gen Y) dan 10 orang penutur dewasa dialek Kedah yang berumur antara 40 hingga 45 tahun (*the baby boomers*). Responden dikehendaki menjawab soal selidik tentang padanan kata adjektif dan ungkapan darjah penghabisan yang diketahui dan digunakan oleh mereka dalam kehidupan seharian. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan penggunaan ungkapan darjah penghabisan antara Gen Y dan kelompok *the baby boomers* yang mana ungkapan darjah penghabisan untuk golongan *the baby boomers* lebih rencam sifatnya, berbanding remaja. Walau bagaimanapun, terdapat juga persamaan penggunaan kosa kata oleh kedua-dua kelompok responden ini. Dapatan kajian diharap dapat memaparkan pola terkini penggunaan ungkapan darjah penghabisan dialek Kedah, di samping menambah khazanah kosa kata bahasa Melayu.

Kata kunci: ungkapan darjah penghabisan; kata adjektif; penutur dialek Kedah; Gen Y; *The baby boomers*.

ABSTRACT

This study compares the use of superlative expressions by the Kedah dialect speakers based on age groups. Superlative expressions refer to the comparative expressions of the highest degree which are placed after adjectives. In conjunction with the dynamic and flexible nature of a language, Kedah dialect has also undergone development and changes in relation to its vocabulary and terminology. This is predominantly prompted by the media which regulates the everyday life of the society, particularly teenagers. Hence, this qualitative study focuses on the superlative expressions matched with adjectives as described in Nik Safiah et al. (2014). A total of 10 teenagers from rural areas (gen Y) and 10 adult speakers (aged 40-45) of the Kedah dialect (the baby boomers) were selected as the respondents of the study. The respondents were required to answer a questionnaire on the matching of adjectives and superlative expressions that are known and used in their daily lives. The results show variations between the use of superlative expressions between the teenagers and the baby boomers, in which the adults expressed an array of superlative attributes as opposed to the teenagers' expressions. Nevertheless, there are also similarities in the use of vocabulary by these two groups of respondents. It is hoped that the findings will reflect the latest patterns in the use of the superlative expressions of Kedah dialect, besides adding to the treasures of Malay language vocabulary.

Keywords: superlative expressions; adjective; Kedah dialect speakers; gen Y; the baby boomers.

1. PENDAHULUAN

Kajian ini membincangkan penggunaan ungkapan darjah penghabisan dalam kalangan penutur dialek Kedah. Dialek ialah bahasa pertuturan yang digunakan oleh penutur di Malaysia. Setiap

dialek mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri berdasarkan ciri fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan leksikalnya. Menurut Norazila (1986), sesuatu bahasa atau dialek berbeza daripada bahasa atau dialek lain akibat daripada pengaruh alam dan persekitaran yang berlainan. Begitu juga halnya dengan dialek Kedah. Dialek Kedah mempunyai ciri-ciri tersendiri yang dituturkan dari Perlis hingga ke Perak Utara, dan juga Pulau Pinang.

1.2 Latar Belakang Dialek Kedah

Asmah (1995) mendefinisikan dialek Kedah sebagai kelainan bahasa Melayu yang dituturkan bermula dari Perlis hingga ke Taiping dan dari Pulau Langkawi ke Padang Terap serta meliputi Pulau Pinang. Jika diteliti, sebenarnya kawasan dialek Kedah tersebar sehingga negeri Setul atau Satun yang sekarang ini adalah salah satu daerah di negara Thailand (Asmah, 1993b). Penyebaran dialek Kedah sehingga ke negeri Perlis dan Pulau Pinang berlaku kerana dari segi sejarah, ketiga-tiga buah negeri ini dahulunya berasal dari satu kawasan politik yang sama, namun terpisah disebabkan oleh beberapa faktor; seperti Pulau Pinang yang terpisah dari Kedah disebabkan oleh Sultan Kedah, Sultan Abdullah Mukarram Shah telah menyerahkannya kepada wakil Syarikat Hindian Timur Inggeris (SHTI) melalui satu perjanjian penyewaan pada tahun 1786 (Khoo Kay Kim, 2015), Perlis pula menjadi kerajaan sendiri pada tahun 1821 disebabkan oleh tindak tanduk kerajaan Siam (Asmah, 2002). Selain itu, Asmah (1993b) menjelaskan bahawa dialek Kedah dituturkan hingga ke Taiping adalah disebabkan kesinambungan bahasa dalam kawasan geografi kerana kawasan ini tidak mempunyai ciri-ciri topografi yang menghalangnya.

Menurut Asmah (1991), dalam satu-satu kawasan dialek akan terdapat perbezaan yang kecil dari tempat ke tempat, dan dari mukim ke mukim. Kawasan dialek boleh dibahagikan kepada subkawasan dialek, bentuk pertuturan yang terdapat di subkawasan itu dinamakan subdialek. Keadaan ini berlaku juga terhadap dialek Kedah. Asmah (1993b), membahagikan dialek Kedah kepada beberapa subdialek, iaitu subdialek Perlis-Pulau-Langkawi, Kedah Persisiran, Kedah Utara, Petani Baling, Petani Sik, dan Balik Pulau atau Tanjung (Pulau Pinang). Subdialek Persisiran dianggap "dialek Kedah standard" yang digunakan untuk pertuturan-pertuturan tak bersahaja (formal) di Kedah dan juga menjadi bahasa asas bagi golongan diraja Kedah. Bagi subdialek Baling dan Sik, ia berbeza dengan Kedah Persisiran kerana terdapat orang-orang Petani yang bermastautin di daerah tersebut (Asmah, 1988) dan subdialek Kedah Utara pula mempunyai irama yang lebih gemalai (Asmah 1993).

Dialek Kedah boleh dianggap unik kerana terdapat pengaruh dialek Perak dan Kelantan yang meresap masuk ke dalamnya, terutama bagi subdialek Petani-Baling. Asmah (1993a) menjelaskan bahawa unsur-unsur perbendaharaan kata dari dialek Perak iaitu [dema] dituturkan oleh masyarakat Baling dan bukannya [depa] seperti yang dituturkan oleh subdialek-subdialek Kedah yang lain. Selain itu, dialek Petani seperti yang dituturkan di Baling dan Sik pula menampakkan ciri-ciri persamaan dengan dialek Kelantan. Fazal, Zaharani, Nor Hashimah, dan Harishon (2011), mengiakan kenyataan ini dengan memberi contoh ayat [Mu kelik bila?] dengan menjelaskan ayat tersebut memperlihatkan pengaruh Kelantan yang wujud dalam subdialek yang dituturkan di Baling kerana sebahagian kecil Kedah bersempadanan dengan Kelantan.

2. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah :

- a) Mengenal pasti penggunaan ungkapan darjah penghabisan dalam kalangan penutur dialek Kedah berdasarkan kategori umur;
- b) Membandingkan penggunaan ungkapan darjah penghabisan berdasarkan kategori umur dalam kalangan penutur dialek Kedah.

3. PERMASALAHAN KAJIAN

Asmah (1993), menyatakan bahawa dialek Kedah boleh dibahagikan kepada beberapa subdialek yang terdiri daripada subdialek Perlis-Langkawi, Kedah Persisiran, Kedah Utara, dan Pulau Pinang. Setiap subdialek mempunyai ciri dan keistimewaan tersendiri yang dimiliki oleh penutur jati di kawasan subdialek tersebut (Fazal, & Nurulafiqah, 2012). Menurut Norazila (1986), antara ciri yang membezakan sesuatu dialek ialah sistem bunyi dan leksikal. Satu daripada ciri leksikal tersebut ialah penggunaan ungkapan darjah penghabisan. Darjah penghabisan merujuk pernyataan perbandingan yang paling tinggi dan termasuk dalam kategori kata adjektif bentuk perbandingan (Nik Safiah et al. 2018). Asmah (2009) merujuk ungkapan darjah penghabisan sebagai tingkat kepalingan. Beliau menyatakan bahawa frasa sifat dalam tingkat kepalingan ini boleh terdiri daripada dua bentuk, iaitu struktur *paling + kata sifat* dan frasa sifat minimal, iaitu kata sifat minimal yakni kata sifat dengan awalan *ter-*.

Ungkapan darjah penghabisan dialek Kedah mempunyai ciri yang berlainan daripada bahasa standard kerana penutur Kedah jarang menggunakan kata 'sangat', 'paling' dan 'amat' dalam mengungkapkan darjah penghabisan bagi kata adjektif, sebaliknya menggantikannya dengan perkataan lain bagi menunjukkan sifat atau situasi yang amat sangat (Nasariah, Faizah & Yusniza, 2014). Ungkapan darjah penghabisan ini digunakan sebagai salah satu aspek penegasan perkataan, sama seperti dialek Melayu Terengganu. Menurut Noor Rohana, Noraien, dan Normaliza (2013), penegasan ini berperanan untuk memberikan gambaran nilai atau tahap yang tertinggi kepada kata-kata yang dilafazkan khususnya bagi kata sifat. Nasrun dan Rusyidiah (2019) pula menamakan ungkapan darjah penghabisan sebagai kata darjah yang merupakan bentuk kata yang berbeza dengan kata penguat kerana kata penguat boleh digunakan berulang kali dan tidak terhad kepada satu kata adjektif sahaja, sedangkan kata darjah adalah sebaliknya. Namun, menurut pengkaji tersebut terdapat sedikit persamaan antara kata darjah dan kata penguat dari segi fungsi dan maknanya.

Menurut Nasariah, Faizah dan Yusniza (2014), kata penguat atau ungkapan darjah penghabisan dalam dialek Kedah amatlah pelbagai berbanding bahasa Melayu baku yang agak terhad jumlahnya, seperti *amat*, *sangat*, *terlalu*, *sunnguh*, *benar* dan *nian*. Antaranya, berbagai-bagai ungkapan darjah perbandingan digunakan untuk menguatkan sifat kata adjektif warna. Ungkapan darjah penghabisan *merengak* digunakan untuk warna merah dan juga kuning. Di samping itu ungkapan darjah penghabisan ini juga digunakan untuk kata adjektif pancaindera *busuk*. Kata *merengak* digunakan dalam dialek Selangor dengan maksud 'berbau keras' (Kamus Dewan, 2005). Terdapat juga ungkapan darjah penghabisan dalam dialek Kedah yang sama dengan perkataan dalam bahasa Melayu baku, seperti *legam* untuk hitam, *menyala* untuk kuning dan merah dan *terik* untuk panas. Selaras dengan perkembangan semasa, dialek Kedah telah mengalami perkembangan dan perubahan dari segi kosa kata dan istilahnya, begitu juga penggunaan ungkapan darjah penghabisan. Perubahan ini berlaku akibat daripada pengaruh media dan teknologi komunikasi yang mendominasi kehidupan masyarakat, khususnya golongan remaja. Kini, telah muncul satu trend baru penggunaan ungkapan darjah penghabisan dalam kalangan masyarakat, khususnya remaja yang cenderung menggunakan slanga '*giler*' sebagai satu-satunya ungkapan darjah penghabisan dalam pelbagai situasi. Justeru, kajian ini akan mengenal pasti penggunaan ungkapan darjah penghabisan dialek Kedah, seterusnya membandingkan penggunaan tersebut antara penutur remaja dan kelompok *the baby boomers*.

4. SOROTAN LITERATUR

Tinjauan literatur ini akan memfokuskan kepada kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji lepas untuk menganalisis kajian berkaitan dengan penggunaan bahasa dialek Melayu Utara (DMU) khususnya dialek Melayu Kedah (DMK). Kajian-kajian terdahulu tentang dialek Kedah dapat dibahagikan kepada beberapa aspek, iaitu fonologi, morfologi, sintaksis dan pragmatik.

Asmah (1988) telah membuat penyenaian variasi dialek Melayu Kedah dengan lebih meluas dengan memberikan tumpuan khusus terhadap subdialek Kedah Persisiran yang dianggap mewakili dialek Kedah Standard. Dalam kajiannya, beliau telah membandingkan antara subdialek berkenaan dengan sub-sub dialek Melayu Kedah yang lain. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa persoalan dalam kajian beliau, khususnya berkaitan dengan aspek-aspek seperti pendeskripsian subdialek Kedah terutamanya aspek morfologi dan sintaksis. Satu lagi kajian oleh Asmah (1985) mengenai dialek Melayu Utara ialah berkaitan dengan keunikan dialek ini yang mempunyai perbezaan dari segi fonologi, morfologi, sintaksis, dan leksikal, dan diyakini berbeza daripada dialek Melayu standard (DMS). Kajian ini juga disokong oleh kalangan sarjana-sarjana baharu mengenai dialek Melayu Utara. Menurut beliau, semakin banyak kajian dilakukan, kita akan mendapati bahawa sesebuah dialek itu akan menjadi semakin rumit dalam pembahagian dialek-dialek tersebut. Menurut Abdul Hamid (1990) perkara ini terjadi disebabkan oleh terdapatnya pertindanan ciri-ciri atau sifat-sifat yang kebiasaannya dibahagikan mengikut batasan kedudukan geografi sesebuah kawasan tersebut.

Shahidi (2009) juga telah menjalankan kajian tentang dialek Melayu utara. Kajiannya telah membincangkan proses fonologi yang terdapat dalam subdialek Kedah Utara dan mengenal pasti penyebaran fonem vokal dan konsonannya di kawasan Naka, Pedu, dan Kuala Nerang, iaitu di kawasan daerah Padang Terap, Kedah. Objektif kajiannya adalah untuk mengenal pasti proses fonologi antara subdialek Kedah Utara dengan subdialek Kedah Persisiran. Hasil kajian mendapati bahawa subdialek Kedah Utara berbeza dengan subdialek Kedah Persisiran. Hal ini demikian kerana, subdialek Kedah Utara mempunyai sifat-sifat tersendiri dan unik. Contohnya reduplikasi konsonan sebagai pengganti proses asimilasi nasal-obstruen, proses peleburan segmen dan unsur aspirasi. Hal ini jelas menunjukkan bahawa subdialek Kedah Utara dan subdialek Kedah persisiran mempunyai perbezaan dari segi fonologi.

Seterusnya, kajian dialek untuk aspek fonologi juga dapat dilihat dalam kajian daripada Zuliana (2014). Dalam kajian ini beliau telah membandingkan fungsi fonologi dan leksikal dialek utara dan dialek Charok Kudong di Kedah. Kajiannya telah menjelaskan inventori fonem dan penyebarannya dalam kedua-dua dialek tersebut. Kajiannya juga membandingkan proses fonologi yang terdapat dalam kedua-dua dialek yang dikaji berlandaskan Teori Fonologi Generatif. Secara keseluruhan kajian ini juga melihat penggunaan kata leksikal dan hubungan makna di antara kedua-dua dialek ini. Kajian beliau menggunakan kaedah kualitatif deskriptif dengan menggunakan 15 orang responden dari Kampung Bukit Jambul dan 15 responden lagi dari Kampung Charok Kudong. Data kajian menggunakan kaedah temu bual dan borang soal selidik. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan fonem dan rumus dalam kedua-dua dialek yang dikaji oleh beliau. Pada masa yang sama, kajian ini juga menunjukkan terdapat wujudnya perkaitan antara makna dengan kata leksikal dalam kedua-dua dialek yang dikaji ini.

Selain itu, kajian oleh Zuliana dan Zaliza (2014) tentang dialek Kedah pula memfokuskan tentang budaya yang mempengaruhi perbezaan penggunaan dialek di daerah Pendang yang merangkumi ekonomi, penjajahan, perkahwinan, keagamaan, migrasi dan pendidikan. Mereka mengaplikasikan teori generatif Chomsky (1957) dan analisis data swadesh yang menggunakan 200 kata akar. Kajian yang turut melihat aspek fonem ini menggunakan 30 responden yang melibatkan 10 responden dari kampung Bukit Jambul, 10 responden dari kampung Charok Kudong dan 10 responden adalah penutur jati dialek Baling. Dapatan menunjukkan dialek Charok Kudong mempunyai lapan fonem vokal dan 21 fonem konsonan. Selain itu, pengkaji juga berpandangan bahawa keunikan dialek dalam perbualan atau pertuturan harian masyarakat di kawasan Pendang bergantung kepada pengaruh tertentu seperti pengaruh sosia-budaya dalam dialek tersebut.

Kajian dialek dari aspek sintaksis banyak dijalankan oleh Fazal Mohamed dan sarjana lain daripada fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM. Salah satu kajian mereka ialah "Kata Soal Bila dalam dialek Kedah Melayu Baling: Satu analisis sintaksis". Kajian daripada Fazal, Zaharani, Nor Hashimah, dan Harishon (2011) mengenal pasti konstruksi ayat soal dalam dialek Melayu Kedah

dengan melihat kata soal yang sama dalam bentuk ayat soal yang mempunyai dua posisi berbeza, iaitu di awal dan di akhir ayat tersebut. Kata soal bagi DMK ialah pa (apa), pasaipa (kenapa), lagumana (bagaimana) bapa, (berapa), dan bila. Kata-kata soal ini digunakan oleh penutur DMK semasa berkomunikasi sesama mereka. Walau bagaimanapun dalam kajian mereka hanya menganalisis kata soal 'bila' dalam penulisan mereka. Sebagai contohnya "nak gi bila?" maksudnya "bila kamu akan pergi ke sana?" dalam bahasa Melayu standard. Kajian yang dijalankan di Daerah Baling, Kedah yang berpandukan analisis deskriptif ini melihat dua posisi kata soal bila berada dalam bentuk ayat awal dikenali sebagai posisi *in situ* dan bentuk ayat akhiran merupakan posisi bergerak. Kajian ini menggunakan kerangka Program Minimalis (Chomsky, 1995) sebagai modul mereka untuk memastikan persoalan yang dikemukakan dapat dijawab dengan berpandukan kerangka teori ini. Hasil kajian mereka mendapati sifat posisi *in situ* dan posisi bergerak tidak dipengaruhi oleh mana-mana perkataan dalam ayat bagi dialek Melayu Kedah. Dengan ini penggunaan kata soal bila dalam DMK menggambarkan bahawa tidak menjadi masalah bagi menyemak semua fitur sebelum cetusan dan sekali gus menunjukkan ayat tersebut masih lagi gramatis. Hal ini menunjukkan bahawa kebolehan penggunaan kata soal bila dalam posisi *in situ* dan bergerak bersifat ekonomi sekiranya perlu.

Kajian dialek Melayu Kedah juga dapat dikenal pasti dalam kajian pragmatik oleh pengkaji-pengkaji seperti Nurul Shahida dan Maslida (2014). Kajian mereka mengenai "Deiksis ruang dalam dialek Kedah" telah mengenal pasti elemen deiksis ruang dalam DMK di Kampung Kubang Lintah, Mukim Lepai, daerah Kota Setar. Kajian mengenai deiksis ruang ini melihat dari aspek tempat atau lokasi yang wujud secara relatif dalam ruang kajian kawasan yang dijalankan oleh penyelidik. Kajian kualitatif digunakan dalam kajian ini, iaitu menggunakan pendekatan temu bual dan merakam setiap perbualan oleh peserta kajian. Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini ialah rujukan (*frame of reference*) oleh Huang (2007) dengan melihat tiga rangka linguistik, iaitu intrinsik, relatif, dan absolut. Hasil kajian mendapati penggunaan elemen ekspresi ruang mempunyai pelbagai variasi penggunaannya seperti yang ditinjola dalam kajian ini, iaitu kata kerja gerak *mai* dan *pi* dan penggunaan ruang *sini*, *situ*, dan *sana* yang melibatkan ekspresi lokatif pada kedudukan yang dekat atau pada kedudukan yang jauh. Keadaan ini juga hadir dalam penggunaan ekspresi *had ni* dan *tudia*. Penggunaan ekspresi singkatan kelaziman ini dan itu menjadi ekspresi penggunaan diektik simbolik kerana tidak memerlukan lakuan menunjuk secara fizikal kerana pendengar dengan mudah dapat memahami maklumat yang disampaikan oleh pendengar. Analisis deskriptif deiksis ruang dapat menyerlahkan sistem penggunaan deiksis dalam dialek Melayu terutamanya dalam dialek Kedah secara eksklusif dan tersendiri sebagaimana yang dipamerkan oleh peserta deiksis DKKS.

Seterusnya kajian dialek Melayu Kedah dapat dilihat dalam aspek pragmatik daripada kajian Nurul Shahida dan Maslida (2015). Kajian yang bertajuk "*Analisis Deiksis Dialek Kedah*" merupakan kajian yang melibatkan hubungan antara struktur bahasa dengan konteks bahasa yang dituturkan yang berskopkan aspek pragmatik. Objektif kajian adalah untuk meneliti kategori dan fungsi elemen deiksis dalam DMK. Lokasi kajian mereka di Kampung Kubang Lintah, Mukim Lepai, daerah Kota Setar. Data kajian diperoleh melalui kaedah pemerhatian dan teknik rakaman yang bertujuan mencatat dan merakam pertuturan responden. Kerangka kajian yang digunakan dalam kajian mereka berdasarkan kerangka deiksis Huang (2007). Hasil kajian mendapati bahawa DKKS mengandungi kategori deiksis perorangan yang diungkapkan melalui kata ganti Nama diri (GND) dan penggunaan vokatif yang diungkap melalui kata panggilan. Selain itu, DKKS juga memperlihatkan kategori deiksis masa, dan deiksis ruang. Secara keseluruhan kajian mereka mendapati bahawa kategori deiksis sosial berkait rapat dengan deiksis perorangan iaitu berkenaan kodifikasi status sosial bagi penutur, pendengar atau orang ketiga atau entiti yang dirujuk begitu juga bentuk hubungan sosial antara peserta yang terlibat dalam perbualan. Dengan ini, analisis deiksis DMK telah menunjukkan kategori dan fungsi elemen deiksis serta penggunaan elemen-elemen DKKS juga menimbulkan multifungsi.

Menerusi kajian-kajian lepas, didapati bahawa kajian bahasa dalam sesebuah dialek tidak pernah mengetepikan aspek fonologi, sintaksis, leksikal, dan kosa kata. Namun demikian, masih terdapat lompang dalam kajian dialek Melayu kerana kebanyakan para sarjana hanya mengkaji pada permasalahan dalam aspek-aspek tertentu dan tidak melihat kepada tahap penggunaan masyarakat tempatan dalam sesebuah dialek tersebut. Bertitik tolak daripada dapatan kajian-kajian lalu inilah, maka kajian ini telah dihasilkan.

5. KAEDAH KAJIAN

Kajian yang berteraskan penelitian kualitatif ini telah menggunakan pendekatan persampelan bertujuan (Creswell & Plano Clark, 2007), yang digunakan bagi membolehkan seseorang pengkaji menentukan responden yang khusus dan sesuai untuk tujuan sesebuah kajian. Dalam hal ini, responden perlu mempunyai pengetahuan tentang topik atau fenomena kajian. Perkara ini disokong oleh Creswell & Plano Clark (2007), yang menyatakan “ *this involves identifying and selecting individuals or groups of individuals that are especially knowledgeable about or experienced with a phenomenon of interest*”. Reinard (2001), menyatakan bahawa, penyelidik perlu menggunakan pertimbangan sendiri bagi memilih dan mengenal pasti responden yang paling sesuai dengan kajiannya. Lazimnya individu yang dipilih itu akan meningkatkan maklumat yang dikehendaki oleh penyelidik terhadap situasi dan perilaku individu yang dikehendaki oleh penyelidik. Oleh itu, pengkaji telah memilih responden yang merupakan penutur jati dialek Kedah disebabkan keupayaan mereka bertutur dan mempunyai kosa kata dialek ini kerana dialek Kedah merupakan bahasa ibunda mereka.

Pengkaji mengedarkan borang soal selidik berkaitan penggunaan ungkapan darjah penghabisan kepada 10 orang penutur remaja yang tinggal di kawasan luar bandar negeri Kedah dan 10 penutur dewasa dialek Kedah yang berumur dalam lingkungan 40 hingga 45 tahun. Pengkategorian peringkat umur ini dihasilkan berdasarkan klasifikasi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, iaitu generasi *pre baby boom* (65 tahun ke atas), *baby boom* (47 - 64 tahun), *gen X* (34 - 46 tahun), *gen Y* (13 - 33 tahun) dan *gen Z* (12 tahun ke bawah). Walau bagaimanapun, penulisan ini hanya berfokus terhadap dua kelompok, iaitu kelompok 47-64 tahun (selepas ini disebut *the baby boomers*) dan kelompok 13-33 tahun (selepas ini disebut *gen Y*). Pemilihan dua kumpulan umur yang berbeza dalam penggunaan ungkapan darjah penghabisan ini dibuat bertujuan untuk melihat perbandingan penggunaan bahasa yang digunakan oleh dua generasi yang berbeza. Gen Y luar bandar Kedah menjadi pilihan pengkaji kerana mereka tinggal di kawasan yang kurang terdedah dengan sistem teknologi komunikasi terkini yang memungkinkan mereka masih mengekalkan penggunaan kosa kata dialek Kedah, manakala responden *the baby boomers* pula kerana usia mereka yang telah matang dan juga mempunyai pengetahuan yang banyak tentang kosa kata dialek Kedah. Perbandingan dapatan bagi dua kumpulan umur ini dibuat bertujuan untuk meninjau sama ada kedua-dua kelompok responden ini masih memiliki kosa kata ungkapan darjah penghabisan yang sama atau sebaliknya. Oleh itu, dapatan kajian akan dapat mengenal pasti corak penggunaan ungkapan darjah penghabisan bagi kedua-dua kelompok ini. Untuk memperoleh ungkapan darjah penghabisan yang dijadikan subjek kajian, sebanyak empat (4) daripada sembilan (9) kata adjektif yang direkodkan dalam buku *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah et al. 2014) telah dianalisis. Analisis dijalankan dengan meneliti padanan ungkapan darjah penghabisan bagi kata adjektif terpilih yang diberi bagi kedua-dua kelompok responden, dan kemudian dibuat perbandingan penggunaan antara keduanya. Proses ini dijalankan dengan mengenal pasti latar belakang responden yang dipilih, dan kemudiannya mengedarkan borang soal selidik yang mempunyai kata adjektif untuk dipadankan dengan ungkapan darjah penghabisan. Responden diberi kebebasan untuk menjawab soal selidik tersebut berdasarkan pengetahuan dan pengalaman yang ada pada mereka.

6. ANALISIS DAN PERBINCANGAN PERBANDINGAN PENGGUNAAN UNGKAPAN DARJAH PENGHABISAN DALAM KALANGAN PENUTUR DIALEK KEDAH.

Setelah dianalisis, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat pelbagai ungkapan darjah penghabisan yang mengikuti kata adjektif dalam dialek Kedah, berbanding ungkapan darjah penghabisan dalam bahasa Melayu baku seperti se- + kata adjektif + gandaan + kata nama, ter- + kata adjektif, paling + kata adjektif dan kata adjektif + sekali, ter- + amat/sangat + kata adjektif dan amat/sungguh/sangat + kata adjektif + sekali. Di samping itu, kata penguatnya boleh hadir di hadapan, di belakang atau bebas, seperti *sangat*, *sungguh*, *benar* dan sebagainya. Jadual 2 hingga Jadual 5 memaparkan dapatan kajian ini.

Jadual 1: Kata Adjektif Warna

| Kata Adjektif | Ungkapan Darjah Penghabisan | |
|---------------|-----------------------------|----------------------------------|
| | Gen Y | <i>The Baby Boomers</i> |
| Hitam | legam,melegam kelit | Meghelit, legam, berkilat, legon |
| Hijau | melenguk, lenguk, merengau | Merengau, merengak, merenga |
| Merah | menyala, ang, ang-ang | Ang, menyala, ang-ang |
| Putih | Melepak | Gebu, melepak, serlah, senggul |
| kuning | Melehang | Merengau, merenga, |

Ungkapan darjah penghabisan bagi kata adjektif warna yang digunakan oleh responden gen Y dalam kajian ini agak terhad kepada warna-warna tertentu sahaja seperti hitam, merah dan kuning. Bagi kata adjektif warna putih, kebanyakan responden gen Y memberikan ungkapan darjah penghabisan 'melepak', manakala responden *the baby boomers* pula mempunyai kerencaman ungkapan darjah penghabisan bagi merujuk warna tersebut, iaitu 'gebu', 'melepak', 'serlah' dan 'senggul'. Selain itu, bagi warna merah, perkataan 'ang-ang' atau 'ang' dan 'menyala' digunakan oleh kedua-dua kelompok responden bagi merujuk warna yang terlampau merah. Begitu juga warna hitam, kebanyakan responden mempunyai pengetahuan yang sama tentang padanan ungkapan darjah penghabisannya, iaitu 'legam', 'melegam', 'meghelit/ kelit' dan terdapat pertambahan perkataan bagi *the baby boomers* iaitu ungkapan 'legon' yang merujuk warna yang sangat hitam. Selain itu, bagi warna kuning dan hijau, perkataan 'merengak', 'merenga' atau 'merengau' digunakan oleh kedua-dua kelompok responden ini, namun ada pertambahan perkataan bagi kelompok gen Y iaitu 'melenguk' untuk merujuk warna yang sangat hijau.

Jadual 2: Kata Adjektif Sifat/Keadaan

| Kata Adjektif | Kata Adjektif Sifat/keadaan | |
|---------------|--|--------------------------------|
| | Gen Y | <i>The Baby Boomers</i> |
| Gemuk | Gedempol, gedempoi, topui, gendut, botek | Gedempol, gedempoi |
| Cair | - | Ceroi, meleleh, |
| Penuh | Melimpah | Melitin, melepu |
| Kering | Kontang | Kontang, |
| Basah | Lokoih, lencun, kuyup | Kuyup, lencun, lokoih |
| Tumpul | Kulup | Melaon, kiang |
| Panas | Lit-lit | Lit-lit, pedih, hau |
| Bodoh | Piang | Piang, bangang |
| gelap | Gelemat | Gelita, pekat, gelemat, |
| Cerah | Menerang | Menerang, benderang |
| Kedekut | Pahit, pait | Pahit, pait, taik hidung masin |
| Sejuk | gedi, bedi, dik-dik | Gedi |
| Gatal | Merenyum | Merenyum, merela |

Bagi kata adjektif sifat atau keadaan, kepelbagaian ungkapan darjah penghabisan hanya terhad pada perkataan *gemuk*, *basah*, *sejuk* dan *gatal* sahaja. Bagi kata adjektif *gemuk*, didapati responden gen Y lebih pelbagai penggunaan ungkapan darjah penghabisannya berbanding responden *the baby boomers*. Walau bagaimanapun setelah diteliti, hanya ungkapan botek yang menunjukkan darjah penghabisan dalam dialek Kedah, manakala ungkapan *topui* dan *gendut* lazimnya digunakan dalam dialek Kedah untuk menggantikan perkataan *gemuk* dan bukannya untuk menunjukkan darjah penghabisan.

Begitu juga dengan kata adjektif *sejuk* yang menunjukkan responden gen Y lebih pelbagai ungkapan darjah penghabisannya seperti *bedi* dan *dik-dik*. Kata adjektif *gatal* pula menunjukkan penambahan penggunaan ungkapan darjah penghabisan *merela* dalam kalangan *the baby boomers*. Ungkapan darjah penghabisan *merenyam* boleh digunakan untuk kulit yang gatal atau sifat yang miang manakala ungkapan darjah penghabisan *merela* hanya digunakan untuk menunjukkan sifat seseorang yang miang. Kata adjektif sifat atau keadaan yang lain, hanya satu ungkapan darjah penghabisan sahaja yang diberikan seperti 'piang' untuk bodoh, 'kontang' untuk kering dan 'melimpah' untuk penuh. Manakala bagi kata adjektif sifat atau keadaan *cair* tiada ungkapan darjah penghabisan yang diberikan oleh responden gen Y.

Jadual 3: Kata Adjektif Pancaindera

| Kata Adjektif | Kata Adjektif Pancaindera | |
|---------------|---------------------------|------------------------------|
| | Gen Y | <i>The Baby Boomers</i> |
| Manis | Piang, melecaih, cee, ciu | Melecaih, melecias, meletin, |
| Masam | Piau, purit, con | Bedengung, purit |
| Masin | Piang, piau | Bedengung, piang, |
| Pahit | Dengung, bedengung | Bedengung, |
| Tawar | Hebiaq | Hebiaq, |
| Comel | Lote | Lote |
| Licin | | Liau |
| Pedas | Dengung, bedengung | Bedesiu, berapi, bedengung |

Daripada lapan kata adjektif pancaindera yang disenaraikan, tidak ada ungkapan darjah penghabisan yang dipadankan dengan kata adjektif pancaindera licin oleh responden gen Y. Bagi kata adjektif pancaindera pedas pula, kebanyakan responden meletakkan 'dengung' sebagai ungkapan darjah penghabisan sedangkan ungkapan yang lazim digunakan ialah 'berdengung'. Selain itu, ungkapan 'piang' juga agak popular digandingkan dengan kata adjektif pancaindera seperti 'manis piang' dan 'masin piang'. Hal ini menunjukkan penguasaan ungkapan darjah penghabisan yang dipadankan dengan kata adjektif pancaindera yang digunakan oleh gen Y agak terbatas penggunaannya, berbanding kelompok *the baby boomers*.

Jadual 4: Kata Adjektif Ukuran

| Kata Adjektif | Kata Adjektif Ukuran | |
|---------------|----------------------|----------------------------------|
| | Gen Y | <i>The Baby Boomers</i> |
| Kecil | Kemetot, ketet, tet | Kotet, ketot, ketet, milek, mone |
| Besar | Gedabak, gedebab | Gedabak, gajah |
| Luas | - | Terbentang |
| Tinggi | Melayup | Melayup |

Kata adjektif ukuran pula menunjukkan penggunaan ungkapan darjah penghabisan hanya digunakan untuk kata adjektif ukuran kecil, besar dan tinggi sahaja oleh gen Y, manakala kata adjektif ukuran luas tiada responden gen Y yang menjawabnya. Untuk responden kelompok *the baby boomers*, terdapat penambahan ungkapan darjah penghabisan kecil dan besar, yang mana mereka menggunakan 'kecil mone' dan 'besar gajah' bagi merujuk sangat kecil dan sangat besar.

Ungkapan 'mone' dalam dialek Kedah sebenarnya membawa maksud comel, cantik, segar dan gebu.

Jadual 5: Jadual Perbandingan Penggunaan Ungkapan Darjah Penghabisan Berdasarkan Umur

| Kata Adjektif | Persamaan | Ungkapan darjah penghabisan | |
|---------------|-----------------------|-----------------------------|---------------------------|
| | | Perbezaan | |
| | | Gen Y | The baby boomers |
| Hitam | Legam | melegam, kelit, | meghelit, bekilat, legon |
| Hijau | Merengau | melenguk, lenguk | merengak, merenga |
| Merah | ang, ang-ang, menyala | - | - |
| Putih | Melepak | - | gebu, serlah, senggul |
| Kuning | - | Melahang | merengau, merenga |
| Gemuk | gedempol, gedempoi | topui, gendut, botek | - |
| Cair | - | - | ceroi, meleleh |
| Penuh | - | Melimpah | melitin, melepui |
| Kering | Kontang | - | - |
| Basah | lokoih, kuyup, lencun | - | - |
| Tumpul | - | Kulup | melaon, kiang |
| Panas | lit-lit | - | pedih, hau |
| Bodoh | Piang | - | bangang |
| Gelap | Gelemat | - | gelita, pekat |
| Cerah | Menerang | - | benderang |
| Kedekut | pahit, pait | - | taik hidung masin |
| Sejuk | Gedi | bedi, dik-dik | - |
| Gatal | Merenyam | - | merela |
| Tinggi | Melayup | - | - |
| Kecil | Ketet | kemetot, tet | kotet, ketot, milek, mone |
| Besar | Gedabak | Gedebab | gajah |
| Luas | - | - | terbentang |
| Manis | Melecaih | piang, cee, ciu | melecas, meletin |
| Masam | Purit | piau, con | bedengung |
| Masin | Piang | Piau | bedengung |
| Pahit | Bedengung | Dengung | - |
| Tawar | Hebiaq | - | - |
| Comel | Lote | - | - |
| Licin | - | - | liau |
| Pedas | Bedengung | Dengung | bedesiu, berapi |

Jadual 5 di atas menunjukkan perbandingan penggunaan ungkapan darjah penghabisan antara gen Y dan golongan *the baby boomers*. Daripada 30 kata adjektif yang diberikan, terdapat 24 jenis kata adjektif yang menunjukkan persamaan penggunaan ungkapan darjah penghabisan oleh kedua-dua kelompok ini. Dapatan kajian juga menunjukkan ungkapan darjah penghabisan 'piang' agak meluas penggunaannya dalam kalangan gen Y Kedah, dan ungkapan 'berdengung' pula banyak digunakan oleh kelompok *the baby boomers*. Ungkapan darjah penghabisan tersebut boleh digunakan untuk beberapa kata adjektif sebagai darjah kepalingan yang amat tinggi. Contohnya seperti 'manis piang', 'masin piang' 'bodoh piang' dan 'masam berdengung', masin berdengung', 'pahit berdengung' dan 'pedas berdengung'. Untuk ungkapan darjah penghabisan tinggi, kedua-dua kelompok responden menggunakan perkataan 'melayup' bagi merujuk sifat sangat tinggi.

7. KESIMPULAN

Ungkapan darjah penghabisan dalam dialek Kedah sangat rencam sifatnya berbanding ungkapan darjah penghabisan yang digunakan dalam bahasa Melayu standard. Suatu hal yang menarik

daripada dapatan kajian ini ialah pengaruh bahasa asing atau dialek lain dalam penggunaan ungkapan darjah penghabisan dialek Kedah, seperti perkataan 'ang' atau 'ang-ang' untuk merah (daripada bahasa Cina bermaksud merah). Selain itu, terdapat juga penggunaan ungkapan darjah penghabisan yang sama seperti yang terdapat dalam dialek lain di Malaysia seperti 'lote' untuk comel dan 'purit' daripada dialek Kelantan yang membawa maksud sangat masam. Hasil kajian juga menunjukkan ungkapan darjah penghabisan 'giler' yang menjadi trend dalam kalangan remaja lain tidak digunakan oleh responden gen Y dalam kajian ini. Hal ini mungkin disebabkan kawasan tempat tinggal mereka yang agak terpencil di pedalaman negeri Kedah dan pengaruh perkataan slanga 'giler' ini belum meresap masuk dalam kosa kata mereka. Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa ungkapan darjah penghabisan dalam kalangan gen Y telah menjadi terbatas penggunaannya jika dibandingkan dengan ungkapan darjah penghabisan yang digunakan oleh kelompok *the baby boomers*. Walau bagaimanapun, jika diteliti, golongan gen Y Kedah masih menggunakan perkataan yang hampir sama kosa kata ungkapan darjah penghabisan dengan kelompok *the baby boomers* tersebut.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan Geran FRGS dengan kod S/O 13263, Kementerian Pengajian Tinggi, yang diketuai oleh Dr Yusniza Yaakub.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. (1990). Dialek Terengganu: Satu tinjauan ringkas. *Jurnal Dewan Bahasa*, 217 - 225.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2002). Dialek Kedah sebagai pencerminan sejarah budaya Kedah. www.mykedah2.com/10heritage/106_3_p4.htm
- Asmah Haji Omar. (1993a). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu* (edisi kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1993b). *Susur galur bahasa Melayu* (edisi ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1991). *Aspek bahasa dan kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1988). *The phonological diversity of the Malay dialects*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. (1986). *Antologi kajian dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Creswell, J., & Plano Clark, V. (2007). *Designing and conducting mixed methods research*. Thousand Oaks, CA: Sage
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Pengarang.
- Fazal Mohamed Sultan, & Nurulafiqah Suhaimi. (2012). Kata soal dalam dialek Kedah. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12 (2), 475-493.
- Fazal Mohamed, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, & Harishon Rodzi. (2011). Kata Soal *bila* dalam Dialek Kedah Melayu Baling: Satu analisis sintaksis. *Journal of Language Studies*, 11 (1), 69-80.
- Khoo Kay Kim. (2015, 7 Julai). Takdirnya Pulau Pinang bukan milik Kedah lagi. *Astro Awani*. Retrived 18 Ogos 2016, from <http://www.astroawani.com/>
- Nasariah Mansor, Faizah Ahmad, & Yusniza Yaakub. (2014). Tawaq Hebiaq Tak Tau Nak habaq: Kata Penguat dalam Dialek Kedah. Dalam *Jaringan Pengajian Bahasa Melayu* (241-250). Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Nasrun Alias & Rusydiah A.Salam. (2019). Kata darjah dan kata penguat dalam dialek Kelantan. *Akademika (Isu Khas)*, 89, 93-107.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2018). *Tatabahasa dewan (edisi ketiga)*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazila Alias. (1986). *Dialek Kuala Pilah: Satu kajian fonologi dan leksikal*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Noor Rohana Mansor, Noraien Mansor, & Normaliza Abd. Rahim. (2013). Dialek Melayu Terengganu: Pendokumentasian dan pengekalan warisan variasi bahasa tempatan. *Jurnal Melayu*, 10, 21-35.
- Nurul Shahida Jamil & Maslida Yusof. (2014). Deiksis reruang dalam dialek Kedah. *Jurnal Bahasa*, 14, (2), 192-218.
- Nurul Shahida Jamil & Maslida Yusof. (2015). Analisis Deiksis Dialek Kedah. *Journal of Language Studies*, 15 (1), 163-187.
- Reinard, J. (2001). *Introduction to communication research (3rd ed.)*. New York: McGraw Hill.
- Shahidi Abdul Hamid (2009). Alternasi dalam fonologi subdialek Kedah Utara. *Jurnal Bahasa*. 302-305.
- Zaharani Ahmad. (2006). Kepelbagaian dialek dalam bahasa Melayu: Analisis tatatingkat kekangan. *Jurnal e-Bangi*, 1 (1), 1 - 26.
- Zuliana Zubir. (2014). Perbandingan antara fonologi dan leksikal. Dialek Utara dengan dialek Charok Kudong di Kedah, Malaysia. Tesis Disertasi Sarjana tidak diterbitkan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Zuliana Zubir & Zaliza Zubir (2014). Pengaruh budaya yang mempengaruhi wujudnya perbezaan penggunaan dialek di kawasan Pendang, Kedah. *Journal of Human Development and Communication*. 3, 93-113.